

19/01/1999

Bantuan PPRT akhiri penderitaan

Torek Sulong

PASIR PUTEH, Isnin - Seorang ibu tunggal dan duda dari dua keluarga termiskin yang menerima bantuan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) di sini, bersyukur walaupun terpaksa menyambut Aidilfitri dalam serba kekurangan berbanding keluarga lain yang berkemampuan.

Hari raya tahun ini lebih bermakna buat mereka apabila mendapat bantuan rumah yang selesa daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar menerusi Risda.

Siti Zabidah Hussin, 44, seorang ibu tunggal berkata kemelaratan hidupnya terpaksa berhari raya di rumah kecil yang hampir roboh sejak dua tahun lalu berakhir tahun ini berikutan pembelaan pihak yang prihatin terhadap masalah yang dihadapinya.

Menurutnya, bantuan rumah yang lengkap dengan bilik, bekalan air dan elektrik sambutan 1 Syawal kali ini lebih menggembirakan walaupun masih tidak berkemampuan menyediakan pakaian hari raya kepada enam anaknya.

Beliau yang tinggal di Kampung Jeram, dekat sini, terpaksa mengambil upah menoreh di sebuah ladang di Kampung La, Besut Terengganu dengan kadar bayaran yang tidak menentu.

"Sejak sebulan lalu saya tidak dapat menoreh dan ini bermakna tidak ada hasil pendapatan kerana hujan pada penghujung dan awal tahun," katanya ketika ditemui di rumahnya.

Menurutnya, perkara yang lebih penting ialah merancang untuk mendapatkan sumber rezeki bagi menyara hidup anaknya termasuk seorang daripada mereka yang memerlukan wang bagi melunaskan bayaran yuran sekolah serta bayaran kertas peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun ini.

Beliau berkata, pendapatan yang hanya diperolehi sebelum ini sebanyak RM6 hingga RM10 sehari tidak mampu untuk menyara lima anaknya. Mereka ialah Mohd Mahathir Mohd Noor, 21, Siti Hasmawati, 19, Mohd Daud, 18, Mohd Faizol, 15 dan Fatin Naquyah, 7.

"Kesemua anak saya hanya berpeluang belajar setakat darjah enam kecuali Faizol yang diharapkan dapat mengubah corak hidup keluarga masa akan datang.

"Anak-anak yang terdidik dengan kehidupan miskin ini sudah memahaminya dan mereka masing-masing tidak mendesak mendapatkan baju baru sempena hari raya. Malah, sanggup berhari raya dengan pakaian dan kasut sekolah yang sudah lusuh," katanya ketika ditemui di rumahnya hari ini.

Seorang duda dari Kampung Dalam Pupuh, Mat Yahya Samad, 49, berkata soal pakaian hari raya dan kuih muih tidak terlintas difikirannya untuk disediakan kerana yang lebih penting memastikan 10 anak yang dibelanya tidak kelaparan.

Menurutnya, bantuan rumah PPRT sudah cukup memberi kesenangan dan penyeri hari lebaran tahun ini berbanding rumah kecil yang tidak kelengkapan serta tidak mampu menampung bilangan ahli keluarga yang terlalu ramai.

Katanya, kerja mengampil upah meracun dan menggali lubang bagi penanaman semula getah tidak cukup untuk bermewah walaupun Aidilfitri disambut setahun sekali.

"Tujuh anak yang masih bersekolah perlu diberi perhatian supaya mereka berjaya dan tidak mewarisi kemiskinan keluarga. Keadaan kesihatan saya yang sebelum ini dihidapi penyakit batuk kering dan sekarang ini sering lelah tidak mengizinkan saya bekerja penat," katanya.

Sepuluh anaknya ialah Siti Rohana, 23, Rohani, 21, Rohaya, 19, Mohd

Shafie, 16, Zainab, 16, Mohd Shafizan, 13, Zainiralisa, 11, Zuharah, 7, Zulaika, 6 dan Mohd Shaifuddin berusia lapan bulan.

"Bayangkan dalam satu minggu saya terpaksa menyediakan lima gantang beras belum dikira perbelanjaan lain termasuk menampung yuran persekolahan yang kian meningkat kadar bayarannya sekarang," katanya.

Mat Yahya berkata, bantuan pelbagai jenis makanan sebanyak 60 kilogram di bawah program makanan tambahan PPRT mampu menampung keperluan sepanjang Ramadan.

Katanya, makanan yang disampaikan oleh Risda baru-baru ini dimanfaatkan bagi penyediaan juadah berbuka dan bersahur sepanjang bulan puasa.

"Sebagai orang miskin saya amat terhutang budi dan bersyukur kerana pihak kerajaan amat prihatin membela penderitaan rakyat," katanya.

(END)